

Bengkel Pelan Strategik UMP Menjana Kegemilangan



Kuala Lumpur, 24 Januari- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Bengkel Pembentukan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang diadakan di Swiss Garden Residences, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK) melibatkan penyertaan seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi universiti termasuk dekan dan ketua pusat tanggungjawab terlibat.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail berkata, bengkel pada kali ini melihat secara secara kolektif dan menyemak deraf cadangan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang akan dilancarkan tidak lama lagi.



"Penyediaan draf pelan strategik ini telah melalui proses tinjauan pendapat, perbincangan, kajian lapangan dan beberapa siri bengkel yang melibatkan warga UMP di pelbagai peringkat sejak Oktober tahun lalu," katanya.

Ujar beliau, Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang bertemakan "Menjana Kegemilangan" ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik UMP 2011-2015. Ianya juga menandakan bermulanya fasa Ke-4 perancangan strategik UMP yang telah diasaskan semenjak penubuhannya pada tahun 2002.

Dalam masa yang sama turut berlangsung sesi forum bertajuk 'Towards A Global Competitive Player – How Strategic Planning Helps?' yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Program ini memberi peluang kepada warga kerja universiti berkongsi pengalaman dengan dua tokoh korporat iaitu Anas Ahmad Nasaruddin yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MARDITech Corporation dan Faris Yahaya yang merupakan Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd.



Berita dan gambar disediakan oleh Eriena Kamarozaman dari Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 29-01-2016, 12:04:04